

Conference Proceeding: 1st INTERNATIONAL CONFERENCE ON CREATIVE MEDIA, DESIGN & TECHNOLOGY (REKA2014)

TEKNIK PERSEMBAHAN ELEMEN PENDIDIKAN: PERBANDINGAN ANTARA KOMIK UMUM DAN KOMIK PENDIDIKAN

Farah Nadia Azman ¹, Syamsul Bahrin Zaibon ² And Norshuhada Shiratuddin ³

¹Universiti Teknikal Malaysia Melaka, farah@utem.edu.my

²Universiti Utara Malaysia, syamsulbahrin@uum.edu.my

³Universiti Utara Malaysia, shuhada@uum.edu.my

ABSTRACT

Komik merupakan khazanah seni tempatan yang bernilai tinggi. Kebanjiran majalah dan komik yang berkonsepkan *infotainment* di Malaysia memberi petunjuk bahawa masyarakat mula menerima komik sebagai sumber pengetahuan. Walau bagaimanapun, kajian terperinci berkenaan elemen pendidikan dalam media visual ini masih terhad. Maka, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis perbandingan antara komik umum dan komik yang berlabelkan pendidikan dari segi teknik persembahan elemen pendidikan. Elemen utama dalam komik bercetak disenaraikan mengikut kategori berbeza bagi mengenal pasti bagaimana unsur pendidikan diintegrasikan. Analisis menunjukkan bahawa komik umum menyampaikan kandungan pendidikan secara lebih halus dan tersirat. Komik pendidikan sebaliknya jelas menonjolkan kandungan ilmiah secara tersurat sama ada dipaparkan sebahagian dari panel komik ataupun dimuatkan dalam ruang bukan komik berasingan. Dapatan kajian untuk komik pendidikan juga selari dengan definisi komik *instructional* yang dinyatakan oleh pelopor seni komik antarabangsa, Will Eisner di mana terdapat dua klasifikasi umum komik pendidikan iaitu kandungan bersifat fakta dan kandungan untuk pembentukan sikap.

Kata Kunci: Komik, Komik Pendidikan, Majalah Komik, Novel Grafik

PENGENALAN

Komik merupakan media yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia. Dengan perkembangan teknologi digital, komik lebih mudah dikongsi dan disebar melalui laman web, blog serta media sosial. Komik juga boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit dan tablet pintar untuk tatapan pembaca.

Secara tradisional, kebanyakan individu telah didedahkan kepada pelbagai keratan komik yang dicetak dalam akhbar harian. Siri komik juga diterbitkan dalam majalah pelbagai kategori dan juga novel grafik. Selain dari kepelbagaian format, seni komik juga unik dan pelbagai dari segi genre, penceritaan, gaya lukisan, bahasa dan lain-lain lagi. Setiap kartunis dan judul komik mempunyai kumpulan peminatnya sendiri.

Kini, semakin banyak majalah dan komik yang berkonsepkan *infotainment* yang mula muncul di pasaran ("Komik Indie", 2013). Bahan bacaan *infotainment* seperti ini memuatkan kedua-dua kandungan pendidikan dan hiburan. Dengan menonjolkan label pendidikan, komik *infotainment* menimbulkan persepsi kepada pembaca awam bahawa kandungan komik tersebut memberi manfaat dari sudut ilmu dan pembelajaran.

PERNYATAAN MASALAH

Dapatan dari kajian lepas tidak menafikan kepentingan dan kelebihan komik dalam membentuk dan mendidik masyarakat. Dengan gabungan visual dan humor, mesej mudah difahami dan disampaikan secara luas kepada segenap lapisan masyarakat. Walau bagaimanapun, di sebalik senario ini, kajian mendalam terhadap elemen pendidikan dalam komik *infotainment*, dakwah ataupun berlabelkan pendidikan di Malaysia masih terhad.

Sehubungan itu, kertas kerja ini akan mengkaji perbandingan antara komik umum dan komik pendidikan dari sudut bagaimana unsur ilmiah dan pendidikan diselitkan dalam komik atau majalah tersebut. Hasil daripada kajian dapat membantu golongan amatir komik, pelajar serta pihak lain memahami teknik persembahan unsur pendidikan yang digunapakai oleh penggiat komik dan penerbit sedia ada.

KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan definisi komik *instructional* oleh pelopor seni komik antarabangsa, Will Eisner (1985), komik pendidikan boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu teknikal dan *attitudinal*. Komik teknikal menjelaskan proses, teknik, dan maklumat melalui lukisan berturutan manakala komik *attitudinal* membentuk emosi pembaca terhadap sesuatu isu atau perkara (Eisner, 1985). Dengan kata lain, terdapat dua jenis kandungan komik *instructional* iaitu fakta dan pembentukan sikap.

Para penyelidik lepas telah mengaitkan bagaimana komik tempatan berperanan mengkritik dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Mulyadi (2007) menyatakan bahawa bagi membangkitkan nilai moral dan pengajaran, banyak cerita rakyat dan sastera tradisi Malaysia telah dipersembahkan dalam format komik. Selain itu, fenomena sosial, ekonomi dan politik disentuh dalam ruangan komik *Cuit-cuit* karya Nudin (Saniah, 2008). Seni simbolik ini bertindak sebagai senjata politik, kemasyarakatan, ekonomi, dan budaya disampaikan dalam bentuk sindiran dan humor (Puteri Roslina, 2006: 12). Watak komik yang berani, bekerja keras, memiliki sifat humor, menghargai sesuatu perhubungan serta mempunyai kebolehan istimewa mampu memberi pengaruh yang positif kepada remaja Malaysia (Roslina, Roswati, Normaliza, & Hazlina, 2014).

Dalam perkembangan itu, Dato' Lat bukan sahaja terlibat dalam penghasilan komik yang jelas mencerminkan unsur dakwah iaitu siri *Ayuh Ke Masjid* (Lent, 2014), malah komik *Kampung Boy* karya kartunis tersohor ini secara rasminya diiktiraf sebagai bacaan sastera di sekolah peringkat antarabangsa (NorAzleenda, 2012).

Penemuan dari kajian yang dibincangkan menunjukkan komik mampu membawa impak yang berkesan kepada rakyat. Oleh itu, kajian lanjutan haruslah diusahakan bagi terus menyokong warisan seni tanah air ini.

METODOLOGI

Kaedah pemerhatian dan analisa kandungan diaplikasikan dalam kajian ini. Klasifikasi komik adalah berdasarkan label yang terdapat pada kulit buku, majalah atau komik. Kajian ini menetapkan komik pendidikan atau *infotainment* terdiri daripada bahan bacaan yang menampilkan label berunsur pendidikan seperti "Komik Sains", "Komik Pendidikan", "Komik Info", "Dakwah", dan lain-lain lagi manakala komik umum pula adalah sebaliknya.

Dengan itu, kajian ini memanfaatkan buku komik di bawah kategori majalah komik, novel grafik tunggal, kompilasi komik, novel berkomik dan buku teks berkomik bagi sumber data. Bahan bacaan meliputi majalah komik Ujang, Gila-Gila dan Kawan, komik terjemahan dari Korea dan Indonesia, beberapa buku di bawah jenama GempakStarz, Komik-M, dan buku terbitan PTS Sdn Bhd, BlinkBooks, Galeri Ilmu, Ana Muslim, VC Kreatif, Eastview serta Penerbitan Multimedia. Daripada senarai tersebut, komik umum diterbitkan sekitar tahun 1990-an manakala penerbitan komik pendidikan adalah dari tahun 2005 hingga 2014.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada kajian mendapati komik umum dan komik pendidikan mempunyai pendekatan yang berbeza dalam menyampaikan kandungan pendidikan. Komik umum menyelitkan unsur pendidikan secara lebih halus dan tersirat. Komik pendidikan sebaliknya jelas menonjolkan kandungan ilmiah secara tersurat sama ada dipaparkan sebahagian dari panel komik ataupun dimuatkan dalam ruang bukan komik berasingan.

Komik Umum

Seperti mana yang dihuraikan oleh Upson dan Hall (2013), media komik itu sendiri secara semula jadinya adalah bersifat mendidik. Adalah terpulang kepada inovasi dan kreativiti warga pendidik untuk mengaplikasikan kelebihan komik sebagai alat bantuan mengajar (Yang, 2008). Daripada siri komik yang dipantau dalam kajian ini, terdapat variasi unsur pendidikan dan tema positif yang disampaikan oleh kartunis. Elemen ini secara unik dipersembahkan secara halus yang memerlukan pembaca meneliti mesej dan maksud dengan lebih terperinci. Kegagalan pembaca menyelami dan mentafsir mesej tersirat di sebalik kisah humor, tragis, dan kembara yang dilalui watak komik, mengakibatkan pembaca menganggap komik adalah sekadar bahan hiburan kosong dan tidak bermanfaat. Sikap seperti ini sedikit sebanyak menyumbang kepada stigma negatif terhadap komik di Malaysia (Farah, Syamsul&Norshuhada, 2014).

Lazimnya, komik umumakan mengkritik gaya hidup pelbagai lapisan masyarakat. Kritikan tersebut merupakan elemen pendidikan yang memberi kesedaran kepada pembaca melalui kaedah sinis. Sebagai contoh, banyak siri komik membawa pembaca menilai amalan kehidupan seharian mereka seperti penjagaan pembersihan, sikap tamak dan tidak bersyukur, kecuiaan memandu dan mematuhi peraturan jalan raya, kejiranan dan gotong-royong, mentaati dan membalas jasa ibubapa, leka dengan kehidupan dunia, semangat setia kawan, cabaran berniaga, akibat dari berbohong, angkuh dan sambil lewa serta banyak lagi.

Di samping itu, tanpa label pendidikan, siri komik yang dimuatkan dalam majalah komik umum turut terlibat sama dalam menyampaikan maklumat tempatan. Kepelbagaian tradisi berbilang kaum dari segi permainan, perayaan, masakan, peralatan, pengangkutan dan sebagainya divisualisasikan dalam format komik. Siri komik yang kaya dengan budaya Malaysia mengikut zaman seharusnya dihargai sebagai sumber sejarah secara sampingan.

Komik Pendidikan

Komik pendidikan turut sama menyampaikan mesej positif melalui jalan cerita dalam komik. Kandungan ilmiah dalam kandungan pendidikan berperanan membentuk sikap dan keperibadian pembaca seperti nilai murni, motivasi belajar dan sukan, amalan kesihatan, kerohanian serta ketuhanan.

Namun begitu, berbanding dengan komik umum, perbezaan utama yang dapat diperhatikan dalam komik pendidikan ialah siri komik pendidikan menambah kandungan berbentuk fakta atau pengetahuan akademik seperti Sains, Sejarah, Matematik, Geografi, Biologi, Astronomi, Undang-undang, Syariah, biografi tokoh ternama dan sebagainya. Penemuan ini selari dengan definisi komik *instructional* yang dinyatakan oleh pelopor seni komik antarabangsa, Will Eisner (1985), di mana terdapat dua klasifikasi umum komik pendidikan iaitu kandungan bersifat fakta dan kandungan untuk pembentukan sikap. Secara ringkasnya, teknik persembahan elemen pendidikan dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Elemen Komik Pendidikan

Kategori	Elemen	
Novel Grafik Tunggal	Kulit Buku	<p>Mempunyai sub-tajuk, label atau <i>sticker</i> bagi mencuri tumpuan pembaca dengan ungkapan menunjukkan bahawa kandungan komik mempunyai unsur pendidikan.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • “Komik Sains, Pendidikan & Menghiburkan” • “Komik Info Luar Buku Teks” • “Eksplorasi Pendidikan Alam Haiwan” • “Rangsang Kepintaran Anda” • “Komik Sains Ekologi Ikhtiar Hidup” • “Kenali Zaman Prasejarah Bumi” • “Komik Info Santai” • “Kuasai Sains Dengan Logika” • “Direkomen Ibu bapa dan guru”

		Testimoni positif dari tokoh berwibawa terpapar sama ada pada kulit hadapan atau belakang.
	Kandungan Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Informasi berilmiah diselitkan dalam cerita dan situasi dilalui watak. • Wujud muka surat berasingan tanpa panel komik bertujuan untuk refleksi dan dipersembahkan ibarat ensiklopedia mini. • Mempunyai soalan uji minda. • Menyajikan kandungan saintifik, teknikal, tips belajar, sukan, biografi, dan kesihatan. • Perlakuan watak memperlihatkan teknik dan langkah untuk skor dalam peperiksaan.
	Jalan Cerita	Naratif yang menghiburkan merupakan penggerak utama komik manakala kandungan ilmiah lebih bersifat <i>secondary</i> .
	Lain-lain	Penggunaan Bahasa Melayu mudah dan santai tanpa bahasa rojak. Wujud perkataan bahasa Inggeris tidak rasmi yang diterjemahkan ke bahasa Melayu. Contoh: <i>Klu, Rekomendll</i>
Kompilasi komik	Kulit Buku	<ul style="list-style-type: none"> • Tajuk komik dengan kata kunci berkaitan aktiviti sekolah. • Mempunyai label umur sasaran pembaca.
	Kandungan Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Motivasi untuk gigih belajar tanpa putus asa serta situasi sekolah yang menarik dipaparkan. • Memupuk semangat kesukanan. • Hadis sebagai judul komik <i>loose</i>. • Bertemakan kerenah, kasih sayang kepada keluarga, persahabatan, interaksi muslim dengan bukan muslim. • Wujud muka surat ruang khas tips, renungan, cerpen pendek, teka silang kata dan juga aktiviti mini. • Kandungan saintifik dan teknikal tidak begitu menonjol berbanding komik kategori novel grafik tunggal.
	Jalan Cerita	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi komik pendek, naratif merupakan penggerak utama komik dalam mengetengahkan nilai moral dan sikap positif. • Komik/<i>loosedihimpun</i> dari majalah komik berasaskan kesinambungan watak ataupun <i>illustrator</i> suatu segmen.
	Lain-lain	Keseimbangan Bahasa Melayu mudah ditemui di samping ragam bahasa seperti penggunaan dialek, pelat bahasa asing, kiasan, dan singkatan mirip kepada bahasa lisan dalam perbualan sebenar.
Majalah komik	Kulit Buku	<p>Terdapat kombinasi ilustrasi kartun bersama foto atau grafik abstrak.</p> <p>Mempunyai slogan pembentukan sikap dan amalan pembaca. Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • “<i>Inspirasi Peribadi Mulia</i>” • “<i>Komik Islamik</i>” • “<i>Jangan Takut Buat Baik</i>” • “<i>Majalah Komik Dakwah Terkini</i>”
	Kandungan Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Perlakuan harian watak yang sentiasa menilai diri serta mengingatkan Tuhan dalam apa jua bentuk tindakan.

		<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan syariah juga dimuatkan.
	Jalan Cerita	<ul style="list-style-type: none"> • Terdiri daripada komik pendek bersiri dan <i>loose</i>. • Kisah kehidupan berlandaskan kitab Al-Quran sangat dititikberatkan.
	Lain-lain	Dari segi bilangan muka surat, ruangan editorial sama ada seimbang ataupun lebih banyak berbanding komik.
Novel berkomic	Kulit Buku	Mempunyai label ' <i>nomik</i> ' iaitu singkatan dari perkataan novel dan komik.
	Kandungan Pendidikan	Nilai moral yang hampir sama dengan kompilasi komik.
	Jalan Cerita	<ul style="list-style-type: none"> • Tema persahabatan, kekeluargaan, keagamaan dan cinta awal remaja. • Komik bersifat sampingan merealisasikan babak paling menyerlah dalam novel.
	Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu aras tinggi diutamakan.
Buku teks berkomic	Kulit Buku	<ul style="list-style-type: none"> • Judul dengan nama mata pelajaran rasmi di sekolah. • Menyatakan sasaran pembaca berdasarkan sistem sekolah.
	Kandungan Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih menepati silibus yang diamalkan di sistem persekolahan, nota dan mempunyai bahagian soalan mengikut format peperiksaan. • Belon pertuturan(<i>speechbaloon</i>) dilabel dengan nombor turutan untuk membantu pembacaan bagi orang yang kurang berpengalaman membaca komik. • Panel digunakan untuk membahagi dan menyusun kandungan akademik.
	Jalan Cerita	<ul style="list-style-type: none"> • Buku teks yang meminjam elemen komik tanpa naratif atau penekanan jelas terhadap mana-mana watak. • Siri komik dipecahkan mengikut topik dalam silibus pembelajaran.
	Lain-lain	Selain komik, kandungan pendidikan disampaikan dalam bentuk grafik lain seperti rajah, peta minda, jadual dan lain-lain.

Fakta dan ilmu pengetahuan dapat ditonjolkan dalam komik pendidikan apabila ianya dilukis dalam panel komik disertakan sekali dengan label. Watak dalam komik akan bertanya dan membuat komentar berkenaan dengan fakta tersebut. Selain itu, kewujudan muka surat berasingan tanpa panel komik membolehkan pembaca membuat refleksi dari pembacaan mereka. Muka surat ini kerap kali dipersembah bagaikan ensiklopedia mini.

Walau bagaimanapun, bahan bacaan dalam kategori buku teks berkomic mengambil pendekatan yang lebih drastik dari aspek penyampaian elemen pendidikan akademik. Naratif dan perwatakan tidak ditekankan ataupun hampir tiada menunjukkan fakta akademik memonopoli kandungan buku teks berkomic. Panel digunakan untuk pembaca memahami sesuatu perkara secara berturutan. Ada kalanya, wujud panel tambahan yang menampilkan tips dan ringkasan.

KESIMPULAN

Dapatan dari kajian ini telah menjelaskan perbezaan utama antara komik umum dan komik pendidikan. Komik umum menyampaikan kandungan pendidikan secara lebih halus dan tersirat. Komik pendidikan pula menonjolkan kandungan ilmiah secara tersurat sama ada dipaparkan sebahagian dari panel komik ataupun dimuatkan dalam ruang bukan komik berasingan. Sebagai tambahan, terdapat dua jenis kandungan dalam komik pendidikan iaitu kandungan bersifat fakta dan ilmu pengetahuan sertakandungan berperanan sebagai pembentukan sikap. Penemuan ini selari dengan ciri komik *instructional* oleh pelopor seni komik antarabangsa, Will Eisner. Secara kesimpulan, kedua-dua komik umum dan komik pendidikan mempunyai teknik dan kelebihan tersendiri dalam mendidik pembaca. Budaya membaca komik haruslah diteruskan oleh rakyat Malaysia kerana mesej dan kandungan ilmiah dalam komik berpotensi dijadikan sebagai sumber pendidikan.

RUJUKAN

- Farah, N. A., Syamsul, B. Z., & Norshuhada S. (2014). Elemen dan Implikasi Komik Pendidikan Terhadap Stigma Sosial Pembaca Malaysia: Isu dan Cadangan. In *Proceeding of International Conference on Cyberology 2014 (ICCA2014)*.
- Komik Indie pilihan baharu. (2013, March 2). *Utusan Online*. Retrieved from http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20130302/sa_04/Komik-indie-pilihan-baharu
- Laila, N. (2012, August 3). *Malaysia Kritis*. Retrieved May 30, 2014, from <http://nadirakyatmalaysia.blogspot.com/2012/08/komik-pesong-akidah-dijual-luar-pagar.html>
- Lent, J. A. (2014). *Southeast Asian cartoonart: History, trends and problems*. Jefferson, North Carolina: McFarland & Company, Inc., Publishers.
- Muliyadi, M. (2007). *Gaya dan tema kartun editorial melayu sejak 1990* (600-IRDC/SSP.5/3/1518). Malaysia: Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- NorAzleenda, A. H. (2012, July 1). *Komik Bukan Sekadar Bahan Bacaan Picisan*. Retrieved May 30, 2014, from <http://pbahasa.dbp.my/wordpress/?p=417>
- NorShahriza, A. K., Amelia, H. (2007). Reading habits and attitude in the digital age: Analysis of gender and academic program differences in Malaysia. *Electronic Library*, 25(3) 285 - 298
- Roslina, M., Roswati, A. R., Normaliza, A. R., & Hazlina, A. H. (2014). Imej Karakter Animasi Jepun (Anime) dalam Kalangan Remaja di Selangor. *Jurnal Teknologi*, 1, 39–43.

Upton, M., & Hall, C. M. (2013). Comic Book Guy in the Classroom : The Educational Power and Potential of Graphic Storytelling in Library Instruction Library Instruction. In *Kansas Library Association College and University Libraries Section Proceedings* (Vol. 3, pp. 28–38).

Yang, G. (2008). Graphic Novels in the Classroom. *Language Arts*, 85(3), 185–192.